

**SOALAN NO: 62**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN ANYI NGAU [ BARAM ]**  
**TARIKH : 12 MAC 2015**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Anyi Ngau [ Baram ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah terdapat rancangan oleh pihak Kementerian untuk menambah lebih banyak Klinik 1Malaysia di pedalaman Baram bagi menampung keperluan pesakit luar di kawasan penempatan yang sukar diakses melalui jalan raya.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Penduduk di Daerah Baram yang seramai 62,883 orang (statistik Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 2012) menerima perkhidmatan kesihatan daripada fasiliti statik dan perkhidmatan bergerak.

Perkhidmatan kesihatan statik disediakan oleh 25 buah Klinik Kesihatan, sebuah Klinik Kesihatan Ibu dan Anak dan sebuah Klinik 1Malaysia. Sebagai alternatif bagi penduduk yang tinggal di pedalaman atau sukar dihubungi melalui jalanraya, perkhidmatan kesihatan disediakan oleh 13

Pasukan Kesihatan Bergerak yang melalui jalan darat atau/dan jalan air, satu Pasukan Doktor Udara dan satu pasukan Bot Klinik Bergerak 1Malaysia Sg Baram.

Memandangkan liputan perkhidmatan di atas telah meluas, tiada perancangan untuk menambah Klinik 1Malaysia di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, perancangan dan pembangunan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan akan diteliti dari semasa ke semasa bagi memenuhi keperluan penduduk.